



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

**LAWATAN KHAS OLEH
KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
DAN
KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUNKU AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH
BINTI ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ
KE LONDON, UNITED KINGDOM BERMULA 3 HINGGA 14 MEI 2023**

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan mengadakan Lawatan Khas ke London, United Kingdom bermula dari 3 hingga 14 Mei 2023. Baginda berdua telah dijemput oleh Baginda Raja Charles III untuk menghadiri upacara pertabalan di Westminster Abbey pada 6 Mei 2023.

Seri Paduka Baginda berdua juga telah berkenan untuk menghadiri Majlis Resepsi dihoskan oleh Baginda Raja Charles III di Istana Buckingham pada 5 Mei 2023.

Lawatan Khas ini adalah amat signifikan di dalam konteks menyatukan hubungan sedia ada dan akrab yang dikongsi di antara Malaysia dan United Kingdom, terutamanya di antara institusi diraja kedua-dua negara serta ikatan dalam Komanwel. Lawatan Khas ini turut menzahirkan kepentingan hubungan erat di antara kedua-dua negara bekerjasama dalam pelbagai bidang yang disokong di peringkat pemerintahan tertinggi negara.

**PUTRAJAYA
3 Mei 2023**



WISMA PUTRA